



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SABTU 22 OGOS 2020**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3.	CUBAAN SELUDUP 1,404 KG AYAM GAGAL, NEGARA, KOSMO -16 63KG DAUN LIMAU DIRAMPAS DI BUKIT KAYU HITAM, NEGERI, SH -29 1,404KG KERATAN AYAM BEKU DIRAMPAS, SH TERENGGANU/KELANTAN, SH -25	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
4.	NELAYAN TEMPATAN DIDAKWA JADI TALI BARUT, SH PERAK/KELANTAN/SELANGOR/KL, SH -26	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
5. 6.	POTENSI AKUAKULTUR KUNAK DIPERKEMBANGKAN, BORNEO TODAY -ONLINE PROSES IN LEGALISING DURIAN FARM LANDS, NATION, THE STAR -10	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Cubaan seludup 1,404 kg ayam gagal

RANTAU PANJANG - Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Kelantan berjaya mengagalkan cubaan menyeludup 720 kilogram keratan ayam beku bernilai RM6,000 dari negara jiran di Meranti di sini kelmarin.

Rampasan pukul 3.30 pagi dibuat dengan kerjasama Agensi Kawalan Sempadan Malaysia (Aksem).

Pengarah Maqis Kelantan, Mohd. Azam Yahya berkata, pihaknya telah menahan sebuah kereta Proton Waja ketika melakukan rondaan di sekitar kawasan itu dan pemeriksaan lanjut menemui 60 kotak berisi ayam beku seberat 720 kg.

"Kesemua rampasan ini dibawa masuk tanpa permit yang sah," katanya di sini semalam.

Menurutnya, nilai keseluruhan rampasan termasuk kereta dianggarkan berjumlah RM15,000.

Mohd. Azam memberitahu, perbuatan mengimport keluaran pertanian tanpa permit yang sah menjadi satu kesalahan dibawah Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728)

Dalam perkembangan lain, Mohd. Azam berkata, pihak polis turut berjaya merampas keratan ayam beku seberat 684 kilogram bernilai RM5,700 dan sebuah Proton Persona yang digunakan untuk menyeludup ayam pada 12 Ogos lalu.

22/8/2020

SINAR
HARIAN

NEGERI

29

FOTO: HSN MAQIS

63kg daun limau dirampas di Bukit Kayu Hitam

BUKIT KAYU HITAM - Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) berjaya menggagalkan cubaan membawa masuk 63 kilogram (kg) daun limau dari Thailand di Kompleks ICQS Bukit Kayu Hitam semalam.

Pengarah Maqis Kedah, Lily Roslind berkata, barang pertanian tersebut dianggarkan bernilai RM315 dan dirampas kerana tidak mempunyai dokumen yang sah seperti permit import yang dikeluarkan oleh Jabatan Maqis dan Sijil Fitosanitasi dari negara asal.

"Perbuatan mengimport keluaran pertanian tanpa permit import sah menjadi kesalahan di bawah Seksyen 11(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin Dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728).

"Kesalahan boleh dihukum di bawah Seksyen 11(3) di bawah akta sama dan jika sabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya sekali," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Menurutnya, Maqis sentiasa memantau dan memeriksa keluaran pertanian di setiap pintu masuk negara bagi memastikan setiap barangan mempunyai kebenaran dibawa masuk.

"Pemantauan bagi memastikan tumbuhan, haiwan, karkas, ikan, keluaran pertanian dan mikroorganisma yang diimport ke negara ini bebas ancaman perosak, penyakit dan bahan cemar," katanya.

Daun limau dari Thailand dirampas kerana tidak mempunyai kebenaran untuk dibawa masuk ke negara ini melalui Bukit Kayu Hitam semalam.



22/8/2020

SINAR
TERENGGANU/

25

HARIAN

KELANTAN

1,404kg keratan ayam beku dirampas

RANTAU PANJANG - Agensi Kawalan Sempadan Malaysia (Aksem) Kelantan dan polis merampas keratan ayam beku seberat 1,404 kilogram (kg) yang cuba dibawa masuk secara tidak sah ke negara ini melalui laluan tikus.

Rampasan itu berjumlah RM31,000 termasuk dua buah kenderaan yang dipercayai digunakan untuk menyeludup barangan tersebut.

Pengarah Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Kelantan, Mohd Azam Yahya berkata, Aksem melakukan rampasan ayam beku bernilai 720kg pada jam 3.30 pagi di Meranti, Pasir Mas sebe-

lum menyerahkannya kepada Maqis. "Anggota Aksem Kelantan menahan sebuah kereta Proton Waja yang membawa barangan tersebut dan mendapati tiada permit sah," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Tambah Mohd Azam, anggota polis pula merampas ayam beku seberat 684kg bernilai RM5,700 selain kereta Proton Persona yang digunakan untuk menyeludup barangan tersebut.

Katanya, perbuatan mengimport keluaran pertanian tanpa permit sah menjadi satu kesalahan di bawah Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728).



Maqis Kelantan menerima serahan barangan seludup berupa keratan ayam beku seberat 1,404kg yang cuba dibawa masuk secara tidak sah ke negara ini menggunakan laluan tikus.

22/8/2020

SINAR
HARIANPERAK/
KELANTAN/
SELANGOR/KL

26

Nelayan tempatan didakwa jadi tali barut

APMM Kelantan dedah terdapat nelayan tempatan bocorkan maklumat kepada nelayan asing

Oleh ADILA SHARUNNI WAHID

PASIR PUTEH

Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Kelantan mendedahkan terdapat tali barut membocorkan maklumat kepada nelayan warga asing menyebabkan misi penguatkuasaan mengkeang pencerobohan di perairan negara gagal.

Pengarah APMM Kelantan, Kapten Muhd Nur Syam Asma-wie Yaacob berkata, hasil risikan pihaknya mendapati adanya penduduk tempatan terutama nelayan di negara ini yang sanggup menjadi pengkhianat nega-

ra demi wang ringgit. "Mereka menyalurkan maklumat untuk memperoleh wang mudah dalam jumlah yang banyak bagi tempoh singkat.

"Kewujudan mereka ini memberi kesan yang amat besar dalam misi penguatkuasaan dan sesuatu yang amat serius serta perlu diselesaikan pada peringkat akar umbi iaitu dalam kalangan rakyat," katanya pada sidang akhbar di Pejabat APMM Tok Bali di sini semalam.

Terdahulu, beliau mengetahui pelayaran menaiki Kapal Maritim (KM) Tok Bali sejauh 16 batu nautika bersama 13 pengamal media dari pelbagai agensi semalam.

Turut diadakan demonstrasi melakukan penggeledahan dan latihan bersepadu secara berkala bagi memantapkan lagi ke-mahiran menembak oleh anggota APMM.

Mengulas lanjut, beliau berkata, tali barut ini bertindak sebagai tonto yang menggunakan pelbagai modus operandi bagi menyalurkan maklumat kepada nelayan warga asing.

FOTO: SINAR HARIAN



Muhd Nur Stamm (depan, tengah) bersama anggota penguat kuasa APMM Kelantan mengetahui pelayaran menaiki Kapal Maritim (KM) Tok Bali sejauh 16 batu nautika bersama 13 pengamal media dari pelbagai agensi semalam.

"Mereka sering bertukar modus operandi manakala pihak berkuasa pula perlu sentiasa lebih cekap dalam memintas modus operandi itu bagi mengkeang kemaraan mereka.

"Kecekapan pasukan

bertugas sekiranya tidak menema ancaman terlebih dahulu daripada pihak lawan.

"APMM tidak akan sewenang-wenangnya melepaskan tembakan jika nyawa anggota tidak terancam," katanya.

APMM terbukti dengan kejayaan merampas dua bot nelayan asing yang menceroboh perairan negara baru-baru ini," katanya. Tambah beliau, APMM bukannya sebuah agensi 'ganas' yang melakukan kekerasan ketika

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/6/2020	BORNEO TODAY	ONLINE	

POTENSI AKUAKULTUR KUNAK DIPERKEMBANGKAN



Junz melawat Kolam Udang di Kg. Pangi, Kunak.

KOTA KINABALU: Potensi perikanan dan akuakultur Kunak bakal diperkembangkan, demikian kata Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Junz Wong pada hari Jumaat.

Dalam satu lawatan ke Kolam Udang yang diusahakan oleh Encik Haji Moktar Palembang, beliau menyeru anak-anak Sabah menkadikan Encik Moktar sebagai contoh.

"Encik Moktar adalah seorang anak Sabah yang sangat berjaya dalam bidang perikanan dan akuakultur."

"Saya harap lebih ramai Sabahans mencontohi kejayaan Encik Moktar dengan mengambil peluang ke atas sumber alam semulajadi yang ada di Sabah."

Junz menambah bahawa kolam Encik Moktar mempunyai sijil myGAP.

"Kolam Encik seluas 3 hektar mempunyai sijil MyGap."

"Ianya dilengkapi 7 kolam udang dan 7 kolam simen bersertakan tenaga kerja mencecah 100 orang."



Kolam-kolam Udang di Kg. Pangi, Kunak.

"Antara bulan Januari hingga Julai tahun ini, mereka telah menghasilkan pengeluaran sebanyak 19.7 tan metrik yang bernilai RM353 ribu."

"Mereka berhasrat mengembangkan lagi perusahaan ini sehingga mencecah 250 orang tenaga kerja."

Junz yang juga merupakan Naib Presiden Parti Warisan Sabah berkata, pimpinan Kerajaan Sabah yang sedia ada telah memberi banyak tumpuan menaikkan nama Sabah dalam bidang pertanian dan perikanan.

"Sejak 2018, Sabah di bawah pimpinan Ketua Menteri Datuk Seri Shafie Apdal telah memberi banyak tumpuan ke arah menjadikan bidang pertanian

dan perikanan daya tarikan Sabah."

"Hasilnya meskipun kita dilanda wabak Covid-19, Sabah bertuah kerana mempunyai alternatif dalam bidang pertanian dan perikanan sebagai pemangkin ekonomi."

"Ekonomi kita mampu bertahan."

"Sebab itu saya mengajak lebih ramai Sabahans, khususnya generasi muda melibatkan diri dalam industri-industri pertanian dan perikanan."

PROGRESS IN LEGALISING DURIAN FARM LANDS

RAUB: More than 300 farmers have registered under the land legalisation scheme for durian farms, as of Aug 21, said the Royal Pahang Durian Resources PKPP Sdn Bhd (RPDR PKPP) in a statement.

Noting that it aims to establish an amicable working relationship with these farmers in developing the national durian industry moving forward, it further reaffirmed the details and objectives of the scheme.

Among the areas it highlighted include the fairness of the proposed levy payment. As RPDR PKPP conducts audits, periodic monitoring and compliance to Malaysian Good Agricultural Practices (MyGAP) and environmental regulations, it believes the levy is fair when the amount of work to be undertaken is taken into account.

The reason for its activities is to ensure that there is no further encroachment and to put in place environmental protection and sustainability measures with strict adherence to regulations, in order to also ensure that the produce originating from these areas are safe and complies with good agricultural practices.

To achieve these objectives will require deploying annual satellite and drone imaging, hiring of no less than 150 people for periodic farm audits and organising compliance workshops, it said.

Moreover, the levy is meant to cover annual rental payments to state authorities, quit rent, as well as assessment costs and corporate taxation levied on the company. In addition, PKPP (being a state-linked corporation) enjoys 25% of the profits.



Proper oversight will put a stop to unfettered illegal encroachment of forest reserves.

business, with all trade transactions to be duly recorded to facilitate transparent tax filing and assessment by tax authorities.

Another major role the RPDR PKPP plays is in preventing unregulated foreign influence and control over the production, marketing and distribution of exported durians from Pahang via ongoing monitoring of farms and prevention of any land sales to undesirable parties.

It attributes the current unfettered illegal encroachment of forest reserves or state-held lands as a result of a lack in industry oversight, emphasising that under-the-radar participation by unregulated foreign investors in illegal durian farms must immediately cease.

Should this state of affairs continue, it said there would be a bleak future for the national durian

industry as it would fall into unregulated foreign control, to the detriment of local players. Malaysia's durian industry could possibly echo Thailand's experience, where foreign investors are increasingly using local nominees to influence local and imported durian prices and exert their control over local players along the Thai durian supply chain.

RPDR PKPP stated that it is in a position to implement a win-win situation for all parties concerned, due to its shareholding structure and strong cooperation with the Pahang state government.

To further demonstrate its commitment to the long term development of the local durian industry, the RPDR Group owns and manages one of the country's first legally registered commercial durian planta-

tions, which covers 1,000 acres in Tras, Raub.

Together with RPDR PKPP, the RPDR Group will also co-own and operate the largest durian processing facility, which is currently under construction and slated for completion by May 2021.

The factory will be approved by the People's Republic of China's General Administration of Customs (GACC), with its design and processing facilities in strict compliance with GACC protocols.

Thus, the RPDR Group is looking to provide an avenue for the farmers' fruits to be exported under a strong brand name, with its management team ensuring that that the scheme's objectives can be achieved via a joint venture outfit led by a private initiative in partnership with the state government.